

PERTIMBANGAN ANTARA MUDARAT DAN MANFAAT DALAM PENGUNAAN PRODUK KECANTIKAN

Considerations Between Harms and Benefits in the Use of Beauty Products

Raihan Mohd Isa^{1a*}, Fatin Nur Majdina Nordin^{2b}, Saadan Man^{3c} & Noor Naemah Abdul Rahman^{4d}

^aJabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Emel: raihanisa76@gmail.com

^bProgram Sains Gunaan dengan Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

Emel: fatinmajdina@um.edu.my

^cJabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

Emel: saadan@um.edu.my

^dJabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

Emel: naemah@um.edu.my

*Corresponding Author: raihanisa76@gmail.com

Received: 03 August 2022

Accepted: 08 May 2023

Published: 22 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.28no2.468>

<i>Abstrak</i>	<i>Abstract</i>
<p><i>Produk kecantikan merupakan campuran bahan kimia yang berasal daripada sumber semula jadi atau sintetik yang boleh diperolehi daripada pelbagai sumber. Titik kawalan utama untuk ramuan produk kecantikan adalah sumber bahan dan keselamatan. Kedua-dua aspek ini juga perlu selari dan memenuhi keperluan halal-tayyib selari dengan hukum syarak yang membenarkan bahan-bahan yang suci dan selamat dalam sesuatu produk. Justeru, kajian ini mengkaji keselamatan dan status halal ramuan produk kesihatan dan kecantikan dengan merujuk kepada peraturan yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Malaysia dan Hub-Halal JAKIM, Malaysia. Kajian ini mendapati penggunaan produk kecantikan dikategorikan sebagai tahsiniyyah atau pelengkap untuk manusia menjalani kehidupan dengan lebih baik.</i></p>	<p><i>Ingredients of beauty products are the mixture of chemical substances derived from natural sources or synthetic that can be obtained from many different sources. The main control points for products ingredients are the sources and safety. These two aspects are also in line with and fulfill the halal-tayyib requirements under the Syariah Law that permitted unharmed ingredients in a product. Thus, this study reviewed the safety and halal status of health and beauty products ingredients by referring to the regulation enforced by National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) Malaysia and Hub-Halal JAKIM, Malaysia. This study found that usage of beauty products is categorized as tahsiniyyah or a complement of humans to live a better life. The usage of beauty products gives comfort and confidence to</i></p>

<p>Penggunaan produk kecantikan memberi keselesaan dan keyakinan kepada penampilan pengguna dalam interaksi seharian. Oleh itu, produk kecantikan mestilah bebas daripada bahan yang haram, najis, dan bahan terlarang yang boleh membahayakan pengguna. Penggunaan produk kecantikan yang mengandungi unsur-unsur ini adalah dilarang oleh hukum syarak. Islam menggalakkan umatnya menjauhi sebarang bentuk kemudaratan demi memelihara kesejahteraan manusia termasuk aspek rohani, jasmani, emosi, dan intelek. Penilaian terhadap keselamatan dan status halal bahan-bahan tersebut akan menjadi lebih mudah melalui pengkategorian berdasarkan spesifikasi yang dikenal pasti mengikut keperluan kosmetik Halal dan peraturan kosmetik badan-badan berkuasa.</p> <p>Kata kunci: mudarat, manfaat, produk kecantikan, kepenggunaan, hukum Islam</p>	<p>consumer's appearances in their daily interaction. Thus, beauty products must be free from unlawful substances (haram), filth (najs), and prohibited substances that may be risking the consumers. Usage of beauty products containing these elements is prohibited by the Syariah laws. Islam encourages Muslim to avoid any form of harm to preserve human wellbeing includes the aspects of spiritual, physical, emotional, and intellectual. Evaluation on the safety and halal status of the ingredients will be easier through categorization based on identified specification that in accordance with the Halal cosmetic requirements and cosmetic regulation of the authority bodies.</p> <p>Keywords: harm, benefits, beauty products, consumerism, Islamic law</p>
---	---

1. PENGENALAN

Setiap manusia suka akan kecantikan. Tampil cantik dan kemas adalah sebahagian tuntutan Islam kepada umatnya, malah disukai oleh Allah SWT. Hal ini turut dijelaskan oleh hadis riwayat Abdullah bin Mas'ud, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ قَالَ رَجُلٌ: إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبُهُ حَسَنًا وَنَعْلُهُ حَسَنَةً، قَالَ: "إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ الْكِبَرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَعَمَطُ النَّاسِ".

Dari Abdullah bin Mas'ud RA dari Nabi SAW, baginda bersabda, "Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya terdapat sifat sombong walaupun sebesar biji sawi". Seorang lelaki bertanya, "Sesungguhnya ada orang yang senang jika pakaiannya bagus dan sandalnya pun bagus". Beliau bersabda, "Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan mencintai keindahan".


(Sahih Muslim, 1433).

Dalam pada itu, Islam tidak hanya menitikberatkan kecantikan jasmani semata-mata tetapi turut mementingkan kecantikan dalaman meliputi akhlak, emosi dan rohani. Peredaran masa yang mempengaruhi kemajuan ilmu dan teknologi sering dimanfaatkan dalam kehidupan manusia, sama ada membantu meringankan beban atau menyelesaikan masalah. Oleh itu, pelbagai evolusi dan inovasi produk kecantikan khusus bagi tujuan membantu penampilan dan penjagaan diri dapat kita perhatikan (Kowc et. al, 2014).

Produk kecantikan tidak mempunyai definisi yang jelas, berbeza dengan kosmetik yang didefinisikan sebagai bahan atau sediaan untuk digunakan pada bahagian luaran badan manusia seperti kulit, rambut, kuku, bibir, bahagian luaran organ genital manusia, gigi atau membran mukus di dalam mulut yang bertujuan untuk membersihkan, mewangi, mengubah penampilan, menghilangkan bau badan, melindungi dan mengekalkan dalam keadaan baik (Noor Hidayah, 2019; NPRA, 2017). Namun begitu, pada masa kini produk kecantikan di pasaran tidak hanya digunakan secara luaran, malah ada yang menawarkan produk kosmetik dengan kesan nutrisi dalam bentuk jus atau minuman segera. Berdasarkan regulasi, apa-apa produk yang diminum atau dimakan tidak boleh dikategorikan sebagai produk kosmetik sebaliknya perlu diklasifikasikan sebagai suplemen kesihatan, tradisional atau makanan (Noor Hidayah, 2019; NPRA, 2017). Ini menunjukkan istilah produk kecantikan adalah umum dan tiada pengkategorian yang jelas. Produk kosmetik adalah semua produk yang penggunaannya bersifat luaran. Sekiranya melibatkan makan atau minum dan tidak dalam bentuk kapsul/tablet/softgel maka ia termasuk dalam kategori makanan. Sekiranya produk dalam bentuk kapsul/tablet/serbuk/cecair digunakan sebagai diet tambahan atau untuk meningkatkan fungsi kesihatan tubuh, dan bahan mengandungi satu atau gabungan bahan vitamin, sintetik atau mineral adalah di bawah kategori bahan tambahan kesihatan (NPRA, 2021; Saiful Mujahed, 2016). Oleh itu, kesemua kategori produk ini dikawal secara berbeza dan memerlukan perhatian dari aspek keberkesanan produk.

Pada masa kini, pelbagai istilah digunakan seperti nutraseutikal, kosmeseutikal dan nutrikosmetik. Walaupun istilah ini masih dipertikai dan dibahas oleh pelbagai pihak, artikel ini menjadikan istilah kosmeseutikal dan nutrikosmetik sebagai panduan perbincangan kerana kedua-duanya mempunyai kaitan dengan kecantikan. Ringkasnya, nutrikosmetik adalah gabungan antara makanan (nutrisi), kosmetik dan farmaseutikal, manakala kosmeseutikal ialah produk kosmetik yang mempunyai tuntutan kesihatan atau farmaseutikal. Titik pertemuan antara ketiga istilah dan konsep ini adalah produk yang mempunyai gabungan kesan pemakanan, kesihatan dan kosmetik yang berdasarkan bahan aktif digunakan dalam produk. Rajah 1

menerangkan hubungan antara ketiga-tiga terminologi ini yang diterima pakai oleh Taeymans et. al. (2014).



Rajah 1: Perkaitan antara nutrisi, kosmetik dan kesihatan (Taeymans et. al., 2014).

Penggunaan produk kecantikan sering dikaitkan dengan wanita dan golongan belia, namun perubahan zaman serta kemajuan teknologi telah mengubah trend dan gaya hidup manusia. Produk kecantikan digunakan oleh lelaki dan perempuan, serta merangkumi kesemua golongan termasuk remaja, belia, dewasa mahupun warga tua. Kemungkinan yang membezakan ialah jenis dan jumlah produk yang digunakan. Walaupun penggunaan produk kecantikan adalah biasa dalam kalangan masyarakat, namun kaedah dan kesan penggunaan jarang dititikberatkan oleh pengguna (Krishnan et. al., 2017; Zakaria, 2015). Sebagai contoh, penggunaan kosmetik tanpa perlindungan yang betul akan menyebabkan kulit lebih sensitif dan mengganggu sistem pertahanan kulit. Manakala keberkesanan bahan yang digunakan dalam produk nutraseutikal yang perlu diminum atau dimakan kurang didedahkan. Pada masa kini, kebanyakan orang lebih banyak mementingkan penampilan pada kulit bukan kesan pada kulit (Norudin, Desnika Efni, & Mohd Rafi, 2010).

Penggunaan produk kecantikan pastinya mempunyai matlamat membantu manusia untuk kebaikan kehidupan sama ada dalam pekerjaan mahupun kesejahteraan diri sendiri. Malah, produk kecantikan mendapat tempat dalam masyarakat dan menawarkan pulangan yang memberangsangkan kepada pengeluar produk (Hassali et. al., 2015). Pada masa kini, banyak pihak yang berlumba-lumba mengeluarkan produk kecantikan dengan pelbagai kesan

kesihatan, kecantikan dan nutrisi. Bagi umat Islam, selain isu kaedah dan kesan penggunaan produk, penentuan kebaikan dan kemudharatan sesuatu produk adalah penting dalam menilai sejauh mana ia diperlukan dalam kehidupan. Hal ini juga termasuk isu hukum penggunaan produk kecantikan dan hukum bahan asas bagi produk kecantikan. Sebagai contoh, bagaimanakah pertimbangan Islam terhadap produk kecantikan yang bertujuan membantu penjagaan dan penampilan diri pengguna, yang tidak menggunakan bahan asas yang haram namun mempunyai kandungan bahan beracun atau bahan terlarang yang memberi kesan akhir yang memudaratkan pengguna?

Oleh itu, artikel ini akan membincangkan aspek penggunaan produk dan bahan asas bagi produk kecantikan dengan merujuk kepada konsep menolak mudarat dan mengambil manfaat. Penelitian terhadap perkara ini dilihat mampu membantu pengguna membuat penilaian terhadap sesuatu produk dan menjadi pengguna yang berinformasi dengan memilih produk secara bijaksana.

2. KAEDAH KAJIAN

Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan khususnya dalam memahami huraian mengambil manfaat/*maslahah* (kebaikan) dan menolak mudarat (keburukan) serta aplikasi kaedah ini dalam penggunaan produk kecantikan dan bahan asas yang digunakan. Data dikumpulkan dari sumber rujukan primer dan sekunder dari buku-buku fiqh muktabar dan jurnal akademik. Objektif utama kajian ini adalah untuk memahami konsep *maslahah* dan *mafsadah* serta menilai aplikasinya dalam penggunaan produk kecantikan melalui bahan asas yang digunakan.

2.1 *Prinsip-Prinsip Maslahah Dan Mafsadah*

2.1.1 *Pengertian maslahah dan mafsadah:*

Maslahah berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu *ṣalaha* yang bermaksud setiap perkara yang membawa kepada kebaikan dan memberi manfaat (Al-Yasu'i, 1957; Al-Fayyumi, 1950; Al-Mun'im, tt). Jamak bagi perkataan *maslahah* adalah *maṣalih* dan kata lawannya adalah kalimah *fasada* yang bererti kerosakan (Al-Manzur, 1990). Kedua-dua perkataan ini merujuk kepada perbuatan manusia dan kalimah *fasad* yang ditemui di dalam al-Quran bermaksud perbuatan buruk dan keji (al-Isfahani, 1992; Al-Manzur, 1990; Al-Fayyumi, 1950; Al-Yasu'i, 1957). Dari sudut istilah, *maslahah* adalah setiap perkara yang mendatangkan manfaat dan menghalang mudarat (*jalb al*

manfa'ah wa daf' al muḍarrah). Justeru, setiap perkara yang mempunyai kebaikan kepada manusia dan tidak mempunyai kemudaratan dianggap sebagai *masalahah*. Ianya turut digunakan dalam laras Bahasa Melayu iaitu *maslahat*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, *maslahat* bermaksud sesuatu yang mendatangkan faedah kepada orang ramai dan melibatkan setiap langkah, peraturan dan undang-undang yang dapat melindungi dan mempertahankan kepentingan manusia. *Maslahah* memfokuskan aspek utama iaitu pemeliharaan *maqāṣid* Syariah yang terdiri daripada lima *ḍarūriyyat al-khams* iaitu penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (Al-Ghazali, 2008). Justeru, setiap perkara yang berkaitan dengan lima aspek ini disebut sebagai *masalahah* manakala setiap perbuatan yang mengabaikan lima aspek ini adalah *mafsadah*. Dari sudut susunannya, penjagaan agama merupakan tingkatan yang tertinggi dan diikuti oleh penjagaan nyawa, akal, keturunan dan harta.

Manakala *mafsadah* adalah kata lawan bagi *masalahah* seperti yang diterangkan di atas. Menurut Kamus Dewan, *mafsadah* bermaksud kerosakan, kebinasaan dan kehancuran. Dapat difahami bahawa *mafsadah* adalah perkara yang tidak mendatangkan kebaikan bahkan membawa keburukan. Izz Din Abd Salam (660H) membahagikan *mafsadah* kepada dua bahagian iaitu *mafsadah ḥaqiqiyah* yang bermaksud penderitaan (*al-alām*) dan kesedihan (*al-ghumūm*), manakala yang kedua adalah *mafsadah majāziyyah* iaitu wasilah atau penyebab yang boleh berlakunya *mafsadah ḥaqiqiyah* (Al-Salam, tt). *Mafsadah majāziyyah* yang asasnya adalah *masalahah* namun boleh menimbulkan *mafsadah* dianggap sebagai *mafsadah* kerana asbab tersebut boleh menghasilkan *mafsadah ḥaqiqiyah* seperti mengejar kekayaan melalui jalan yang haram, makruh dan syubhah. Asasnya pencarian harta atau mengumpul wang di muka bumi ini merupakan satu *masalahah* kerana pelbagai urusan yang memerlukan kepadanya namun sekiranya diperoleh melalui cara yang dilarang oleh syarak, maka ianya dikira sebagai salah satu bentuk *mafsadah majāziyyah*.

2.2 Tingkatan-Tingkatan Masalahah

a. Dharuriyyat

Menurut Imam Al Syatibi, *dharuriyyat* merupakan *masalahah* yang mesti wujud dalam kehidupan manusia dalam membina keseimbangan kehidupan keagamaan dan keduniaan. Sekiranya diabaikan, maka kehidupan dunia tidak akan berjalan dengan betul, bahkan akan menimbulkan kerosakan dalam kehidupan. Lanjutan daripada itu, manusia akan hilang kenikmatan dan kesejahteraan dalam kehidupan di akhirat dan akan kembali dengan kerugian yang nyata kelak (Al-Maliki, 1991). Menurut Wahbah Al Zuhaily, *dharuriyyat*

bermaksud *masalahah* yang perlu ada dalam kehidupan manusia demi menjaga kepentingan dunia dan agama. Sekiranya keperluan *dharuriy* ini tidak dijaga, maka kehidupan di dunia tidak dapat berjalan dengan baik, akan timbulnya kekacauan, tersebarnya keburukan dan kebahagiaan abadi di akhirat kelak akan hilang (Al-Zuhayli, 2007). Dapat difahami bahawa *masalahah dharuriyyat* bermaksud perkara-perkara asas dalam kehidupan manusia dan manusia tidak mampu hidup tanpanya. Sekiranya perkara ini ditinggalkan, maka ianya akan membinasakan dan merosakkan kehidupan mereka. *Dharuriyyat* terbahagi kepada lima bahagian iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (Al-Qardawi, 2014). Elemen *dharuriyyat* ini disusun mengikut keutamaan. Penjagaan agama merupakan tingkatan *dharuriyyat* yang terpenting dan wajib diutamakan daripada perkara-perkara *dharuriyyat* yang lain. Penjagaan terhadap kelima-lima perkara ini untuk memastikan kehidupan manusia terpelihara kerana setiap perintah yang ditetapkan oleh syarak mempunyai tujuannya iaitu untuk menjaga *masalahah* dunia dan akhirat (Al-Rahman, 1983). Seandainya salah satu bahagian tidak terjaga, maka hidup manusia akan didatangi *mafsadah* (keburukan) dan tidak mempunyai erti lagi.

Penjagaan agama: Syarak mendahulukan penjagaan agama daripada penjagaan jiwa kerana sekiranya diabaikan, maka dunia ini akan dipenuhi dengan masyarakat jahiliyah. Menurut Wahbah Zuhaily, penjagaan agama bermaksud himpunan peraturan, ibadat, hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah dalam memelihara hubungan manusia dengan rabbNya dan hubungan manusia sesama manusia (Al-Zuhayli, 2007). Disebabkan itu, Islam mensyariatkan solat, zakat, puasa dan haji untuk memelihara agama manusia dan melindungi mereka daripada serangan yang boleh mengancam nilai keagamaan. Selain itu, Islam turut mensyariatkan hukuman bunuh terhadap orang kafir yang menyesatkan dan menghukum pembuat bid'ah yang mengajak orang lain melakukan perbuatan bid'ah. Hal ini kerana sekiranya dibiarkan, ianya akan mengancam kedudukan agama Islam.

Penjagaan nyawa: Setiap perkara yang berkaitan dengan pembinaan kehidupan yang baik termasuk dalam penjagaan nyawa seperti makanan, minuman, tempat tinggal dan pakaian. Oleh itu, Islam mengharuskan jual beli, pajak gadai, sewa supaya manusia dapat meneruskan kelangsungan hidup di dunia dan melarang manusia daripada mencampakkan diri mereka ke dalam kebinasaan supaya nyawa mereka tidak terancam. Sekiranya nyawa manusia tidak dijaga, manusia akan bebas berbunuhan dan bermusuhan sesama sendiri. Ini akan menyebabkan dunia menjadi kacau bilau dan keselamatan manusia sudah tidak terjamin. Allah SWT berfirman:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak).

(Surah Al An'am: Ayat 151)

Dalam ayat di atas, Allah SWT mengharamkan umatNya membunuh jiwa manusia lain termasuk nyawa kita sendiri kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh syarak seperti menjalani hukuman qisas. Hukuman qisas atau balas bunuh bertujuan memelihara jiwa manusia yang tidak berdosa untuk menuntut keadilan dan mengurangkan bebanan kesedihan yang ditanggung oleh keluarga mangsa. Selain itu, hukuman qisas juga adalah satu bentuk hukuman yang dapat menundukkan hati dan nafsu manusia serta menerbitkan perasaan takut dalam diri orang lain supaya tidak membunuh insan lain yang tidak berdosa.

Penjagaan akal: Kegagalan akal daripada berfungsi dengan baik boleh menyebabkan terjadinya perkara yang tidak diingini. Disebabkan itu, Islam melarang umatnya daripada meminum arak atau minuman lain yang memabukkan. Hukuman bagi peminum arak yang ditetapkan dalam Islam adalah hukuman *hadd* berdasarkan hadith Anas RA:

كَانَ يَضْرِبُ فِي الْحُمْرِ بِالْجُرَيْدِ وَالنَّعَالِ أَرْبَعِينَ

Maksudnya: "Nabi SAW menyebat peminum arak sebanyak 40 kali sebatan dengan pelepah tamar dan selipar."

Riwayat Muslim (1706)

Hukuman ini ditetapkan kerana Islam melarang keras umatnya mengambil sebarang perkara yang merosakkan atau melemahkan kekuatan akal kerana ianya merupakan dasar pentaklifan. Akal orang yang mabuk tidak dapat berfungsi dengan baik dan keadaan ini boleh membahayakan diri sendiri dan juga orang lain.

Penjagaan keturunan: Islam mewajibkan hukuman hudud ke atas pezina untuk menjaga nasab dan keturunan. Oleh itu, disyariatkan perkahwinan kerana ianya merupakan jalan untuk melahirkan zuriat dan memenuhi keinginan nafsu manusia yang sah di sisi syarak. Menurut Jalal Al Din Abd Rahman, Islam melarang umatnya daripada hidup sendirian dan menggalakkan mereka yang berkemampuan untuk berkahwin seperti mana

Islam melarang wanita hamil merosakkan kandungannya dengan ubat-ubatan yang akan menjadi penyebab keguguran (Al-Rahman, 1983).

Penjagaan harta: Islam melarang daripada mencuri, menipu, memakan harta orang lain secara tidak sah untuk memelihara kepentingan harta manusia. Oleh itu, diwajibkan hukuman hudud ke atas peragut dan pencuri untuk memelihara harta yang merupakan sumber kehidupan bagi manusia.

b. *Hajiyyat*

Maslahah hajiyyat merupakan tingkatan *maslahah* yang kedua selepas *maslahah dharuriyyah*. *Maslahah* ini bertujuan mengelakkan manusia dari ditimpa kesusahan dan kesempitan dalam kehidupan. Contohnya, pemberian kuasa kepada wali untuk mengahwinkan anak perempuannya yang masih kecil. Situasi ini tidak sampai kepada tahap darurat, tetapi ianya merupakan satu hajat (keperluan) kerana terdapat maslahat dalam mencari kesetaraan antara pasangan kerana bimbang sekiranya dilewatkan, ianya akan menghalang kebaikan yang akan datang pada masa hadapan (Al-Ghazali, 2008).

c. *Tahsiniyyat*

Tingkatan ketiga adalah *maslahah tahsiniyyah*. *Maslahah* ini tidak berada pada posisi darurat mahupun hajat, tetapi *maslahah* ini melibatkan perkara *tahsin* (mempercantik), *tazyin* (memperindah), dan *taysir* (mempermudah) dalam memelihara kehidupan harian manusia. *Maslahah tahsiniyyah* merupakan pelengkap bagi kehidupan manusia dan bukan satu bentuk keperluan. *Maslahah* ini merupakan tabiat kebiasaan manusia yang sukakan keselesaan seperti bersuci dan menutup aurat (Al-Rahman, 1983).

2.3 *Syarat-Syarat Beramal Dengan Maslahah*

Syarat beramal dengan *maslahah mursalah* ini penting dalam menjadi sandaran penetapan sesuatu hukum dan supaya ianya tidak bebas diamalkan dengan sewenang-wenangnya dengan menganggap sesuatu perkara sebagai *maslahah mursalah*. Beberapa syarat yang digariskan oleh para ulama dalam beramal dengan *maslahah mursalah* adalah seperti berikut:

- i. *Maslahah mursalah* perlu selari dengan objektif syarak. Ianya bermaksud *maslahah* tersebut seakan-akan menyamai *maslahah* yang telah disabitkan oleh nas syarak dari sudut kemunasabahannya dan bentuk *maslahah* tersebut. Sekiranya *maslahah* tersebut tidak selari dengan

objektif syarak, maka secara automatik ianya akan tertolak. Setiap *masalah* yang tidak mempunyai tujuan untuk memelihara maksud syarak yang boleh difahami menerusi nas-nas yang terdapat dalam al-Quran, hadis dan ijmak, maka *masalah* tersebut terbatal dan perlu dibuang (Al-Ghazali, 2008).

- ii. Syarat untuk beramal dengan *masalah mursalah* adalah boleh diterima dan difahami oleh akal dan tidak bertentangan dengan logik fikiran manusia. Fungsi akal manusia yang diciptakan oleh Allah SWT adalah dapat menimbang tara antara kebaikan dan kejahatan. Sesuatu perkara yang diakui dan difahami oleh akal sihat bahawa ianya mendatangkan kebaikan, maka dianggap sebagai *masalah*. Adapun perkara-perkara yang tidak dapat diperakui oleh logik akal manusia ianya mendatangkan manfaat, maka *masalah* tersebut tertolak sama sekali. Para ulama' mensyaratkan *masalah* tersebut perlu berada dalam kategori *masalah* dharuriyyat dan *masalah* hajiyyat sahaja. Sepertimana yang diterangkan di atas, *masalah* dharuriyyat adalah *masalah* yang menjaga lima teras utama melibatkan penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. *Maslahah* hajiyyat pula adalah *masalah* yang bertujuan untuk mengangkat kesulitan dan kesusahan dalam kehidupan manusia. Syarat beramal ini tidak terpakai kepada *masalah* tahsiniyyah kerana *masalah* tahsiniyyah merupakan *masalah* yang melibatkan keperluan biasa dan tidak melibatkan kepentingan yang serius.
- iii. *Maslahah* yang tiada ketentuan baginya samada syarak memperakuiinya atau tidak, perlu berdasarkan sangkaan yang kuat bahawa ianya sejalan dengan objektif syarak (Al-Ghazali, 2008). Namun, sekiranya secara jelas wujud dalil yang bertentangan dengan *masalah* tersebut, maka *masalah* itu akan tertolak kerana dalil tersebut lebih kuat daripada ghalabat al-zann. Jika sebaliknya, maka *masalah* tersebut boleh diterima berdasarkan syarat wujudnya sangkaan yang kuat.
- iv. Salah satu pensyaratan *masalah* yang diletakkan oleh para ulama adalah *masalah* tersebut merupakan *masalah* yang bersifat umum ('ammah) yang merangkumi kesemua manusia dan tidak bersifat (khashah) iaitu difokuskan kepada individu atau kelompok tertentu. Bersifat umum dan qat'ie bermaksud *masalah* tersebut perlu bersifat haqiqiyah dan bukan sekadar sangkaan (waham) semata-mata. Selain itu, *masalah* yang qat'ie dan tidak bersifat zhanniyyah perlu disabitkan dengan dalil-dalil qatie yang tiada keraguan padanya.

3. KAEDAH PENTARJIHAN TERHADAP KONTRADIKSI DI ANTARA MASLAHAH DAN MAFSADAH

3.1 *Pentarijhan Berdasarkan Pendominasian*

Penentuan hukum terhadap konsep *rajih* dan *marjuh* adalah berdasarkan kedudukan *masalahah* atau *mafsadah* yang lebih dominan. Oleh itu, *masalahah rajihah* diutamakan ke atas *mafsadah marjuhah* sebagaimana *mafsadah rajihah* diutamakan ke atas *masalahah marjuhah*. Kontradiksi yang berlaku antara *masalahah* dan *mafsadah*, yang manakah lebih banyak kewujudannya akan diambil kira selepas proses pentarijhan dilakukan. Sebagai contoh, dibenarkan bagi lelaki Muslim untuk memakai pakaian yang diperbuat daripada sutera sekiranya tiada pakaian untuk dipakai bagi memenuhi perintah wajib menutup aurat (Al-Shawkani, 1982). Begitu juga dibolehkan untuk menipu seseorang dengan tujuan perdamaian setelah tiada cara lain yang dapat dilakukan.

3.2 *Pentarijhan Berdasarkan Dharuriyyah Al Khams*

Metode pentarijhan ini dilakukan dengan melihat kepada kedudukan terhadap kekuatan pemakaian *masalahah* dan *mafsadah* dalam tingkatan *dharuriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. Apabila berlaku pertembungan antara *masalahah* agama dan *mafsadah* harta, maka akan didahulukan *masalahah* agama. Contohnya, diharuskan bagi tentera Islam untuk menyerahkan harta kepada pihak lawan untuk membebaskan tawanan Islam disebabkan tiada jalan lain lagi. Walaupun pemberian harta kepada musuh merupakan satu *mafsadah* kerana dapat membantu ekonomi mereka berkembang, namun dalam hal ini *masalahah* agama lebih dititikberatkan kerana apabila tawanan Islam dibebaskan, ianya dapat menguatkan kembali anggota tentera Islam. Antara contoh yang lain adalah apabila berlaku kontradiksi di antara *masalahah dharuriyyah* dan *mafsadah hajiyyah* atau *tahsiniyyah* maka diutamakan *masalahah dharuriyyah* daripada *mafsadah* lain kerana tingkatannya yang berada di atas.

3.3 *Pentarijhan Berdasarkan Hukum Taklifi*

Kontradiksi antara *masalahah* dan *mafsadah* dapat diselesaikan dengan membuat pentarijhan berdasarkan hukum taklifi yang mendasarinya samada ianya wajib, sunat, harus, makruh atau haram. Keutamaan terhadap *masalahah* atau *mafsadah* tersebut bergantung sepenuhnya kepada perintah atau tegahan itu sendiri. Dalam hal ini, serendah-rendah *masalahah* adalah hukum sunat manakala setinggi-tinggi *masalahah* adalah wajib sementara *mafsadah* pula, serendah-rendah *mafsadah* adalah makruh dan setinggi-tinggi *mafsadah* adalah

haram. Justeru, penentuan hukum dibuat berdasarkan hukum taklifi yang mendasarinya. Apabila berlaku pertembungan di antara *maslahah* dan *mafsadah* dari sudut perintah dan larangan, maka perlu diutamakan larangan sebagaimana yang disebut dalam kaedah fiqh iaitu (Al-Ghazzi, 1998):

إذا تعارض المحرم وغيره من الأحكام الأربعة قدم المحرم

Namun, sekiranya aspek perintah dan larangan tersebut masing-masing saling mendominasi, maka hendaklah dipilih aspek yang paling mendominasi di antara keduanya dan aspek tegahan atau perintah tidak akan diambil kira lagi.

3.4 Pentarjihan Berdasarkan Ruang Lingkup Pemakaiannya

Pentarjihan dilakukan berdasarkan kesannya kepada pihak yang terlibat samada bersifat umum atau khusus. Konteks yang diteliti oleh para mujtahid adalah sejauhmana *maslahah* atau *mafsadah* tersebut memberi kesan atau risiko (*al maāl*) kepada orang lain (Ahmad, 2008). Dalam hal ini, mana-mana yang bersifat umum tidak kira *maslahah* atau *mafsadah*, maka ianya patut diutamakan ke atas *maslahah* atau *mafsadah* yang bersifat khusus. Sesuatu tindakan yang menjaga *maslahah* peribadi atau *maslahah* individu, dan dalam masa yang sama menyebabkan kesan buruk kepada masyarakat (*mafsadah 'ammah*) maka perlu diutamakan *mafsadah* umum.

3.5 Pentarjihan Berdasarkan Pengiktirafan Syarak

Kontradiksi antara *maslahah* dan *mafsadah* boleh ditarjihkan berdasarkan pengiktirafan syarak. Penilaian terhadap *maslahah* dan *mafsadah* pada peringkat awalnya juga turut ditentukan oleh syarak samada syarak mengakuinya atau tidak. *Maslahah* dan *mafsadah* yang bersifat *qaṭ'iyah* diutamakan ke atas *maslahah* atau *mafsadah* yang bersifat *ẓanniyyah* (Ridzwan Ahmad, 2008). Begitu juga *maslahah* dan *mafsadah* yang bersifat *ẓanniyyah* diutamakan ke atas *maslahah* dan *mafsadah* yang bersifat *wahmiyyah*. Para fuqaha menetapkan berdasarkan kedudukan kekuatan menerusi aspek syarak dengan didahului *qaṭ'iyah*, *ẓanniyyah* dan *wahmiyyah*.

3.6 Pentarjihan Berdasarkan I'tibār al Maāl (Risiko)

Kontradiksi yang berlaku antara *maslahah* dan *mafsadah* boleh ditarjihkan dengan melihat kepada risiko yang mungkin berlaku hasil daripada kesan sesuatu perbuatan. Ini memudahkan lagi para fuqaha untuk mentarjihkan antara keduanya dengan melihat yang mana satu lebih memberi risiko. Justeru,

penolakan terhadap *masalah* atau *mafsadah* yang lebih berisiko diutamakan berbanding yang kurang berisiko (Ridzwan Ahmad, 2008). Contohnya, wanita yang ingin menjaga *masalah* kecantikannya dengan menggunakan produk yang boleh mendatangkan kemudaratan. Oleh itu, diutamakan untuknya daripada tidak menggunakan produk tersebut untuk mengelakkan sebarang bentuk kemudaratan yang mungkin terjadi padanya kesan daripada penggunaan produk tersebut.

4. PENGGUNAAN BAHAN ASAS YANG HARAM DAN MEMUDARATKAN PENGGUNA

4.1 *Bahan Asas dalam Produk Kecantikan*

Bahan asas bagi produk kecantikan adalah faktor penting yang menentukan hasil akhir produk. Malah kesan dan tuntutan sesuatu produk sama ada berfungsi sebagai antioksidan, kesegaran diri, pemutihan, kecantikan dalaman dan lain-lain adalah bergantung kepada bahan asas yang digunakan, di samping kaedah pemprosesan produk. Daripada perspektif halal, penentuan sumber asal bagi bahan asas adalah langkah kritikal dalam penentuan status halal sesuatu produk, termasuk juga seluruh proses penghasilan produk. Prinsip *masalah* dan *mafsadah* juga melihat keseluruhan aspek produk termasuk bahan asas dan kesannya kepada pengguna. Artikel ini akan menfokuskan kepada dua aspek utama yang memberi impak besar kepada pertimbangan *masalah* dan *mafsadah*, iaitu penggunaan bahan terlarang dan penggunaan najis dalam produk kecantikan.

4.2 *Penggunaan Bahan Terlarang Dalam Produk Kecantikan*

Terdapat pelbagai bahan asas bagi produk kecantikan merangkumi haiwan, tumbuhan, sintetik, atau campuran di antara bahan-bahan tersebut. Dalam membincangkan isu ini, dua fokus utama diberi perhatian iaitu sumber dan kategori bahan asas produk. Kedua-dua fokus ini turut mempengaruhi pertimbangan *masalah* dan *mafsadah* bagi produk kecantikan, dan seterusnya membantu pengguna membuat pilihan.

(i) Sumber bahan asas

Sumber bahan asas sangat dititikberatkan dalam penentuan halal sesuatu produk kerana ia akan membantu pengelasan atau kategori bahan sama ada halal (dibenarkan), haram (dilarang) atau *syubhah* (dibuat penilaian semula sama ada dibenarkan atau dilarang untuk digunakan sebagai bahan asas). Pelbagai sumber bahan asas bagi produk kecantikan dan ia sangat terkait

rapat dengan fungsi produk tersebut. Beberapa contoh sumber bahan asas produk kecantikan dibentangkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Bahan asas produk kecantikan berdasarkan fungsi/tuntutan produk

Bil	Jenis Produk	Fungsi	Bahan asas	Sumber
1.	Kosmesuti kal -Suplemen kesihatan dan kecantikan (Luna)	<ul style="list-style-type: none"> • mencerahkan kulit • sekatakan kulit wajah • melembutkan kulit • melindungi kulit dr sinar UV • mengekalkan keanjalan kulit • membentuk dan memelihara kolagen dalam badan • memberikan tenaga • melawaskan • memberi anda tidur yg lena dan nyenyak • mengurangkan stress 'anxiety' 	RO Water Honey Green apple juice powder Peach juice powder L-cysteine Camu-camu extract Acerolla cherry extract Vitamin C Probiotic (bifidobacterium longum BB536) Probiotic (bifidobacterium breve M-16V) Applephenol Vitamin E Vitamin premix Rosemary extract Taurine Kiwi juice powder Honeydew juice powder Aloe vera extract	Semulajadi (pelarut) Haiwan Buah Buah Acid amino (haiwan, tumbuhan atau sintetik) Buah Buah Tumbuhan (buah) atau haiwan Mikrobiologi Mikrobiologi Tumbuhan Tumbuhan Campuran kompleks pelbagai vitamin, mineral, unsur surih dan bahan tambahan yang lain Buah Asid amino (haiwan, sintetik) Buah Buah Tumbuhan

Bil	Jenis Produk	Fungsi	Bahan asas	Sumber
			Bird nest extract	Sarang burung
			Kiwi extract	Buah
			Grape seed extract	Buah
			Chamomile extract	Tumbuhan
			Royal jelly extract	Haiwan
			Mineral premix	Campuran kompleks pelbagai vitamin, mineral, unsur surih dan bahan tambahan yang lain
			Ashwagandha extract	Tumbuhan
			Astaxanthin	Alga, Yis, haiwan laut
			Permitted flavour, thickener, acidity regulator and preservatives as permitted food conditioner	
2.	Nutrikosmetik -Minuman kesihatan dan kecantikan (Minuman Kolagen Pencerah) (Aurawhite)	<ul style="list-style-type: none"> • Pencerahan kulit lebih pantas • Kulit lebih anjal dan gebu. • Mengaktifkan penghasilan kolagen • Anti Penuaan • Meningkatkan sistem imunisasi tubuh badan • Mengatasi masalah kulit seperti jerawat, pigmentasi & melasma • Mengurangkan kedutan & garis halus pada wajah. 	Tilapia collagen Glutathione Vitamin C Hyaluronic Acid Tomato stem cell Apple stem cell Rosella stem cell Lemon Turnip Strawberry Maqui berry Papaya Bird's Nest Astaxanthin Pinebark	Ikan Biosintesis Haiwan, tumbuhan, biosintesis Tumbuhan, haiwan, fermentasi, sintetik Tumbuhan Buah Buah/Tumbuhan Buah Tumbuhan Buah Buah Buah Semulajadi Alga, yis dll Tumbuhan

Bil	Jenis Produk	Fungsi	Bahan asas	Sumber
		<ul style="list-style-type: none"> • 60% kulit lebih lembap • Membantu masalah kulit • Mengatasi masalah keguguran rambut • Mengurangkan parut & tompok hitam • Mengurangkan selulit • Mengurangkan rekahan pada tumit • Mengurangkan stretchmark • Melembapkan bibir yang kering • Detoksifikasi toksin dalam badan • Atasi masalah sakit sendi • Memperkuat tulang • Menurunkan kadar kolestrol • Memberi tenaga & meningkatkan stamina • Meningkatkan pengeluaran susu ibu 		
3.	Nutrikosmetik-Tablet (Trudolly gummies)	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan parut • Memperbaiki kerosakan kulit • Kulit kelihatan lebih muda 	Strawberry Powder Cucurmin powder Green coffee bean extract Garcinia cambogia Acerola Juice Powder Blackcurrent Powder Beet Root	Buah Rempah Tumbuhan Buah Buah Tumbuhan

Bil	Jenis Produk	Fungsi	Bahan asas	Sumber
		<ul style="list-style-type: none"> • Menghilangkan jerawat • Meremajakan kulit secara semula jadi • Mencerahkan kulit • Membuang toksin dalam badan • Mendapatkan berat badan yang ideal • Meningkatkan stamina dan memberi tenaga • Melawaskan sistem pencernaan • Menurunkan kadar kolestrol • Merawat masalah sembelit 	<p>Tremella Powder Lemon powder Citrus juice powder Grape fruit powder Apple Fiber L -Carnitine Lecithin powder Ascorbic acid Glutamine Isomalt</p>	<p>Fungi Buah Buah Buah Buah Amino asid, haiwan Tumbuhan, egg yolk Haiwan, tumbuhan, biosintesis Haiwan, tumbuhan, sintetik Sukrosa</p>
4	Kosmetik --Krim pemutih (Bioaqua)	<ul style="list-style-type: none"> • Krim perbaikan pelbagai tugas untuk wajah & badan • Baik untuk pemutihan, anti-kedut, menghilangkan jeragat, melembapkan • Melindungi dan menenangkan kulit anda dari kerosakan persekitaran, dan menawarkan 	<p>Water Glycerin Mineral oil Zinc oxide Mercury Petrolatum Titanium dioxide Cyclopentadimethylsiloxane Bis-PEG/PPG-14/14 polydimethylsiloxane Beeswax Allantoin</p>	<p>Pelarut Haiwan, tumbuhan, petroleum, sintetik Petroleum Sintetik, natural Natural Petroleum Sintetik, natural Sintetik (silicon) Sintetik Lebah Haiwan (urea & glyoxylic</p>

Bil	Jenis Produk	Fungsi	Bahan asas	Sumber
		penghidratan mendalam		acid), tumbuhan, sintetik
		• Kesan pemutihan & pencerahan seketika - sehingga beberapa warna lebih ringan	Methyl paraben Bis(metyl)imidazolidiny l urea	Sintetik
		• Mengatasi ketidaksempurnaan & cela kulit untuk penampilan yang sempurna		

(ii) Kategori bahan asas

Kategori bahan asas adalah faktor utama kepada asas rujukan hukum termasuk pertimbangan mudarat serta manfaat. Secara umum, artikel ini membahagikan bahan asas kepada tiga kategori utama iaitu halal, haram dan kritikal (Nordin et. al., 2020). Haram ialah semua bahan asas terlarang yang terdiri daripada bahan-bahan yang dikategorikan haram menurut syariah dan fatwa, manakala halal ialah bahan-bahan yang tidak dalam kategori haram. Kritikal ialah bahan yang berada di pertengahan atau disebut sebagai *syubhah* sama ada sumber yang tidak dapat dikenal pasti atau bahan yang dikenal pasti mempunyai kesan mudarat kepada pengguna. Bahagian ini hanya akan melihat kepada bahan terlarang yang terdiri daripada bahan haram dan bahan kritikal kerana isu-isu yang timbul daripadanya. Jadual 2 membentangkan beberapa contoh bahan terlarang yang digunakan dalam produk kecantikan.

Jadual 2: Bahan terlarang yang digunakan dalam produk kecantikan

Bil.	Bahan asas	Sumber	Kategori
1	Hyaluronic Acid	Tumbuhan, haiwan, fermentasi, sintetik	Kritikal, Haram jika jelas daripada babi
2	Glycerin	Haiwan, tumbuhan, petroleum, sintetik	Kritikal, Haram jika jelas daripada babi
3	Zinc oxide	Sintetik, natural	Kritikal, Haram jika memudaratkan pengguna
4	Mercury	Natural	Kritikal, Haram jika memudaratkan

5	Titanium dioxide	Sintetik, natural	pengguna Kritikal, Haram jika memudaratkan pengguna
6	Allantoin	Haiwan (urea & glyoxylic acid), tumbuhan, sintetik	Kritikal, Haram jika jelas daripada urea haiwan
7	Methyl paraben	Sintetik	Kritikal, Haram jika memudaratkan pengguna
8	Bis(metyl)imidazolidinyl urea	Sintetik	Kritikal, Haram jika memudaratkan pengguna
9	Vitamin C	Haiwan, tumbuhan, biosintesis	Kritikal, Haram jika jelas daripada haiwan haram/najis
10	Stem cell	Haiwan, biosintesis	Kritikal, Haram jika jelas daripada haiwan haram/najis
11	Collagen	Haiwan, tumbuhan	Kritikal, Haram jika jelas daripada babi
12	Glutamine	Haiwan, tumbuhan, sintetik	Kritikal, Haram jika jelas daripada babi
13	L-cysteine	Acid amino (haiwan, tumbuhan atau sintetik)	Kritikal, Haram jika jelas daripada babi

Kesan bahan asas terhadap pengguna adalah antara maklumat yang sukar diperolehi secara langsung, juga kurang pendedahan diberikan oleh pengeluar. Penekanan banyak diberikan kepada testimoni pengguna yang sangat berbeza bagi setiap pengguna atas pelbagai faktor seperti metabolisme badan, jenis kulit dan kadar penggunaan produk. Oleh itu, kesan bahan asas adalah berdasarkan beberapa analisis terhadap kajian-kajian saintifik yang diperolehi daripada jurnal akademik dan laman web pihak berautoriti. Antara kesan penggunaan bahan terlarang adalah kemungkinan menyebabkan alergik, termasuk bengkak, kemerahan dan gatal dalam tempoh satu minggu, menjejaskan kulit dan penampilan (memberi kesan kepada fungsi buah pinggang), menjejaskan emosi dan psikologi terganggu, alergik, dermatitis dan sebagainya. Penggunaan bahan asas yang diharamkan seperti najis turut menjejaskan status kesucian dalam menunaikan ibadah. Oleh yang demikian, penggunaan bahan asas yang dilarang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan satu bentuk keburukan (*mafsadah*) yang perlu dijauhi. Hal ini kerana ianya bagi mengelakkan sebarang kemudaratkan berlaku kepada pengguna. Terdapat kaedah fiqh yang bertepatan dengan situasi ini iaitu “la

darar wa la dirar” yang bermaksud tidak boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri dan orang lain”. Justeru, penggunaannya tidak dibenarkan bagi menjamin kemaslahatan dengan memelihara kesihatan pengguna. Hal ini tidak melibatkan fizikal pengguna sahaja bahkan turut menyebabkan kecelaruan emosi disebabkan penggunaan produk yang mempunyai bahan terlarang. Oleh itu, menolak sebarang bentuk kemudaratan samada kepada diri sendiri mahupun orang lain perlu diutamakan supaya pengguna tidak menzalimi dirinya sendiri dan bagi memelihara hak-hak mereka sebagai seorang pengguna.

4.3 Penggunaan Arak dalam Produk Kecantikan

Arak adalah minuman yang memabukkan dan terhasil daripada perahan anggur, buah kurma, biji gandum, barli dan madu. Adapun minuman lain yang memabukkan dan menghilangkan fungsi akal turut diharamkan di dalam Islam berdasarkan ayat al-Quran

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْمَجُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

(Surah Al Maidah: Ayat 90)

Rijsun dalam ayat tersebut bermaksud sesuatu yang kotor atau berbau busuk. Sebahagian para fuqaha yang terdiri daripada Rabi’ah, Imam Malik, Imam Sin’ani dan Imam Syaukani berpendapat kenajisan arak sama seperti hukum najis yang asal walaupun ianya merupakan najis hukmi iaitu najis yang tidak dapat dilihat akan kekotorannya (Kuwait, 2012). Hukum mengambil manfaat dengan arak adalah diharamkan oleh jumhur fuqaha walaupun untuk tujuan perubatan berdalilkan hadis riwayat al-Baihaqi bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

إن الله لم يجعل شفاءكم فيما حرم عليكم

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak menjadikan penawar bagi kalian pada apa-apa yang diharamkan atas kalian.

al-Sunan al-Kubra (20171)

Adapun sekiranya berlaku keadaan darurat dan ketiadaan ubatan suci lain untuk tujuan penyembuhan selain dari menggunakannya, maka ianya dibolehkan dan perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Islam. Selain itu, mengambil manfaat daripada *khamr* (arak) bagi tujuan-tujuan lain turut diharamkan seperti penggunaannya dalam produk kosmetik. Arak diharamkan secara keseluruhan kerana terdapat mudarat yang lebih besar berbanding manfaat. Oleh itu, Islam mengambil jalan *sadd al zari'ah* dengan menutup segala pintu yang membolehkan terbukanya pintu kemaksiatan. Penggunaan arak jenis sake (arak Jepun) dimasukkan ke dalam produk kosmetik yang terhasil daripada proses penapaian kanji beras. Sake adalah sejenis arak dan bukannya sejenis alkohol. Hukum penggunaannya dari sudut luaran adalah diharamkan sama seperti pengharaman untuk meminumnya (Mazri, 2020).

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang membincangkan isu alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan pada 14 hingga 16 Julai 2011 telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

“Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak”

Kesimpulannya, penggunaan arak dalam penghasilan mana-mana produk adalah diharamkan walaupun untuk tujuan luaran kerana mudarat yang terdapat padanya dan penjagaan Islam terhadap lima maqasid syariah iaitu salah satunya adalah penjagaan akal. Bahaya yang terdapat dalam *khamar* melibatkan individu, keluarga dan masyarakat. *Khamar* tidak merosakkan kesihatan jasmani peminumnya sahaja bahkan turut merosakkan akal fikiran manusia sehingga membahayakan anggota masyarakat dengan melakukan pelbagai kerosakan.

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِتْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِتْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا^ك

Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: “Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya.

(Surah Al Baqarah: Ayat 219)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, terdapat kaedah hukum syarak iaitu apa sahaja yang mudaratnya lebih besar daripada manfaatnya, maka ianya diharamkan. Adapun manfaat yang lebih besar daripada mudarat ataupun keseluruhannya adalah manfaat, maka ianya diharuskan oleh agama Islam. Justeru, dalam aspek *khamar* ini, secara jelas bahawa kesan mudaratnya adalah lebih besar dan merbahaya bagi individu dan masyarakat umumnya.

4.4 Penggunaan Alkohol dalam Produk Kecantikan

Alkohol merupakan suatu sebatian organik yang terdiri daripada karbon, C, hidrogen, H dan oksigen, O (Mohd Noor et. al, 2018). Menurut Kamus Dewan, alkohol bermaksud cecair yang mudah terbakar dan memabukkan (terdapat dalam minuman keras). Alkohol juga dikenali sebagai minuman keras. Terdapat dua jenis alkohol yang memabukkan iaitu *methanol* dan *etanol* atau dikenali sebagai etil alkohol. Jenis *methanol* terhasil daripada kayu (*wood alcohol*) manakala *etanol* terhasil daripada proses fermentasi atau penapaian bijirin seperti beras, gandum, barli, buah-buahan dan sayur-sayuran (Mohd Noor et. al, 2018). Jenis *etanol* alkohol sahaja yang boleh menghasilkan alkohol melalui proses fermentasi. Fermentasi merupakan suatu proses yang melibatkan perubahan kimia disebabkan oleh tindak balas yis atau bakteria yang dimasukkan sekali dalam perahan tersebut atau melalui bakteria liar yang terdapat di udara tanpa kehadiran oksigen. Setiap minuman arak (*khamar*) mengandungi alkohol akan tetapi bukan semua alkohol mengandungi arak. Alkohol yang terhasil daripada proses pembuatan arak difatwakan haram dan najis (e-SMAF, 2011).

Alkohol mempunyai banyak kegunaan yang lain seperti dalam bidang perubatan, makanan (pastri), kosmetik dan lain-lain. Contohnya dalam industri makanan, alkohol diletakkan dalam makanan laut untuk menambah kesedapan rasanya. Selain itu, alkohol juga turut digunakan dalam pastri dan kek yang bertindak sebagai agen penaik dan pengilat (Jamaludin, 2015). Dalam pada itu, alkohol turut digunakan dalam bidang perubatan seperti penggunaan ubat antiseptik yang mempunyai kandungan alkohol.

“Alkohol tidak najis dari segi syarak. Ini berdasarkan keterangan bahawa asal kepada sesuatu adalah suci. Tarjih bagi najis arak dan segala perkara yang memabukkan adalah ma'nawi (batin) bukannya hissi (zahir). Maka, tidak menjadi kesalahan di sisi syarak hendak menggunakan alkohol dari sudut perubatan sebagai bahan pencuci (antiseptik) pada kulit dan kecederaan, ubat-ubatan, pembunuh kuman, pembersih kolon usus, krim campuran, dan sebagainya. Tiada kaitan antara pengharaman arak dengan mengambil manfaat daripada alkohol.” (Nadwah Fiqh Perubatan Islam ke-8)

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia memutuskan bahawa minuman ringan yang diproses atau dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum. Manakala makanan atau minuman yang mengandungi bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.

Selain itu, penggunaan alkohol dalam minyak wangi juga dibolehkan. Hal ini kerana alkohol yang digunakan bukanlah alkohol tulen akan tetapi ianya dicampur dengan 'absolute alcohol', iaitu sejenis alkohol yang dicampurkan dengan bahan pelarut yang lain (Mohd Noor, 2018). Sifat alkohol yang mudah meruap bersesuaian dengan kegunaan minyak wangi itu sendiri. Ianya akan hilang sejeurus saja disembur ke badan manusia melalui proses pemeruapan. Dr. Yusuf al Qardawi menyatakan arak (*khamar*) itu diharamkan kerana kandungannya yang mempunyai alkohol yang memabukkan (Mohd Noor et. al, 2018). Walaupun ianya mempunyai kandungan alkohol yang sedikit, akan tetapi akan tetap menjadi mabuk setelah diminum dengan kuantiti yang banyak maka ianya diharamkan.

Terdapat alkohol yang dihasilkan khusus untuk kegunaan industri yang terdapat dalam dua gred iaitu gred makanan dan gred bukan makanan. Bagi gred makanan (*potable alcohol*), ianya terhasil daripada proses fermentasi (gula atau kanji) dan dilanjutkan kepada proses penyulingan sehingga kepekatan alkohol mencapai 95-99%. Manakala, bagi gred bukan makanan terbahagi kepada dua jenis penghasilan iaitu *denatured alcohol* yang dihasilkan melalui proses fermentasi dan ditambah bahan kimia lain pada peringkat akhir untuk menjadikannya beracun dan tidak sesuai diminum. Jenis yang kedua adalah alkohol sintetik yang terhasil daripada sumber petroleum dan digunakan untuk tujuan luaran seperti bahan bakar, bahan pelarut atau kimia untuk ujikaji makmal (*analytical grade*). Kegunaan alkohol dalam produk kosmetik bertindak sebagai agen penyerapan bahan ramuan produk kepada kulit wajah pengguna. Selain itu, ianya turut berfungsi sebagai agen pelarut bagi minyak wangi dan memudahkan untuk meruap dan mengeluarkan bau kuat setelah disapu pada kulit.

4.5 Babi dalam produk kecantikan

Babi adalah sejenis binatang mamalia yang berbadan gemuk, berkaki pendek, berkulit tebal dan bermuncung. Bahan ramuan yang bersumberkan

babi banyak digunakan dalam produk kecantikan pada masa kini. Persamaan yang ketara dari sudut anatomi dan fisiologi antara babi dan manusia merupakan faktor penyumbang peningkatan penggunaan babi (Abd Rahman, 2012). Selain itu, antara faktor lain adalah babi ini mudah didapati dan mempunyai populasi yang tinggi. Berikut merupakan senarai ramuan berunsurkan babi yang kebiasaannya digunakan dalam produk kosmetik:

Jadual 3: Jenis Produk Kecantikan Yang Mempunyai Kandungan Babi

Bahan Asas	Bahagian	Fungsi	Jenis Produk
Kolagen	Tisu yang diambil daripada kulit atau tulang rawan.	<i>Stabilizer</i> , salutan / agen pembentuk filem, <i>gelling agent</i> , agen pengikat, agen kelikatan, dan membantu pemeliharaan kesihatan kulit	Losyen tangan, krim muka, losyen badan, syampu, penyembur rambut.
Elastin	Tisu kulit haiwan	Memelihara keanjalan kulit	Produk penjagaan kulit dan penjagaan rambut
Lemak (<i>lard</i>)	Lemak yang mengelilingi buah pinggang dan yang berada di dalam pinggang	Membantu menghaluskan kulit.	Produk salap (<i>ointment bases</i>) seperti sabun mandi, krim, losyen (wajah, tangan dan badan), lipstik.
Gliserin / gliserol	Biasanya diperoleh melalui lemak haiwan yang dijumpai dalam darah dan komponen utama tisu badan haiwan tersebut.	Meningkatkan kelancaran, sebagai bahan pelincir dan <i>humectant</i> (bahan penyerap kelembapan, mengelak produk menjadi kering)	<i>Face mask</i> , lipstik, krim pelembab, krim pemerah pipi, losyen pencerah, bedak asas muka, penyegar kulit, syampu rambut, sabun dan ubat gigi.
Hormon	Hormon estrogen, hormon melantonin dan lain-lain.	Untuk mendapatkan hasil yang lebih baik	Dimasukkan dalam produk akhir.

Lanolin	Minyak dari kulit babi	Melicin dan melembapkan kulit	Krim pemutih, krim kosmetik, losyen dan lipstik
Plasenta	Uri atau tembuni	Mencegah penuaan kulit, serta mampu meremajakan kulit, menghaluskan dan melembutkan kulit, dan membuat kulit lebih segar.	Serum <i>anti-aging</i> , krim <i>anti-wrinkle</i> , gel mata, krim pemutih, syampu, bedak, sabun mandi, losyen untuk melembutkan kulit, minyak wangi dan lipstik.
Gelatin	Kulit, tulang dan sendi babi	Mengecilkan pori-pori. membantu pemulihan kulit yang rosak, mengikat kotoran dan minyak pada permukaan kulit dan mengangkat sel kulit mati.	Syampu, lipstik, perapi rambut, krim dan pewarna kuku.

Berhubung produk kosmetik yang mengandungi protein khinzir terhidrolisis adalah haram digunakan kerana ia adalah najis *mughallazah* dan bukan digunakan atas alasan darurat. Hal ini kerana proses hidrolisis tidak termasuk dalam kaedah penyucian bahan najis menurut mazhab Syafie (Noor, 2021). Selain itu, sebuah kajian dilakukan di Indonesia mendapati, terdapat formulasi krim pelembab yang dicampur dengan minyak babi untuk meningkatkan kelikatan produk kerana harganya yang murah berbanding dengan harga minyak zaitun. Selain itu, plasenta babi turut digunakan dalam produk kosmetik kerana boleh meningkatkan metabolisme asas dan menguatkan fungsi imun. Ianya turut berperanan dalam memberi fungsi anti kedut. Tambahan, air ketuban babi juga dikaji mempunyai fungsi yang sama iaitu anti-kedut (Kim Tagon et. al, 2011).

Pengharaman daging babi dan keseluruhan bahagian tubuhnya telah jelas dinyatakan dalam al-Quran dalam surah al Baqarah ayat 173:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَحُمَّ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah Al Baqarah: Ayat 173)

Antara hikmah diharamkan memakan daging babi adalah kerana babi ini adalah haiwan yang kotor. Makanan yang dimakan oleh babi bersifat kotor dan najis dan boleh mendatangkan kemudaratan kepada manusia dengan menghilangkan kesucian dan rasa cemburu (Rashid Rida, tt; Kuwait, 2012).

Penetapan hukum syarak oleh Allah SWT yang diturunkan melalui al-Quran merupakan indikator yang paling utama dalam mengukur standard *maslahah* dan *mafsadah*. Pengharaman babi yang jelas dinyatakan di dalam al-Quran jelas merupakan satu bentuk *mafsadah* kerana ianya dilarang oleh hukum syarak. Allah SWT berfirman:

يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ ...
... وَالْأَعْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka.

(Surah Al A'raf: Ayat 157)

Pertimbangan ini berpandukan kepada kedudukan hukum syarak yang mempunyai kadar aplikasi "menolak *mafsadah*" yang wujud di dalam hukum pengharaman babi. Oleh yang demikian, hukum haram berada pada tingkatan yang tertinggi dan wajib diutamakan kerana sudah jelas pengharaman mengenainya melalui larangan Allah SWT kerana terdapat *mafsadah* padanya.

5. KESIMPULAN

Isu-isu yang kerap kali timbul dalam produk kecantikan adalah isu kandungan bahan. Dalam Islam, sumber bahan yang suci dan selamat menjadi keutamaan dan kayu ukur keharusan penggunaan produk. Produk kecantikan

bersifat *tahsiniyyah* iaitu sebagai pelengkap kehidupan manusia dalam menjalani kehidupan seharian dengan lebih baik. Berbeza dengan produk farmaseutikal, ianya mempunyai keharusan tertentu oleh hukum syarak kerana terdapat keterbatasan dalam situasi tertentu sehingga membolehkan prinsip darurat dilaksanakan. Sumber bahan produk kecantikan yang berasal daripada najis seperti arak dan babi jelas diharamkan penggunaannya di dalam Islam. Walaupun dikatakan penggunaannya hanyalah bersifat luaran sahaja, namun Islam sangat mementingkan dan memelihara kesucian umat Islam yang perlu dijaga dari segenap aspek. Penggunaan bahan terlarang yang memudaratkan juga ditegah oleh hukum syarak kerana menghindarkan diri daripada sebarang bentuk kemudaratkan adalah lebih dituntut di dalam Islam supaya dapat memelihara kesihatan rohani, jasmani, emosi dan intelek. Justeru, artikel ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pelbagai pihak khususnya pengguna dan juga pihak pengeluar produk bagi memahami isu-isu berkaitan kosmetik dari perspektif Islam.

6. PENGHARGAAN

Kajian artikel ini adalah sebahagian daripada projek dibawah penajaan dana Geran Grant Challenge Universiti Malaya (GC002A-17HNE & GC002C-17HNE). Para penulis melahirkan penghargaan kepada pihak IPPP Universiti Malaya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam UM dan Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, UM serta Universiti Malaya Halal Research Centre (UMHRC) yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

7. RUJUKAN

- Ahmad, R. (2008). Metode Pentarjihan *Maslahah* dan Mafsadah dalam Hukum Islam Semasa. *Jurnal Syariah*.
- al-Fayyumi, A. i.-M. (1950). *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharh al-Kabir lil Rafi'i*. Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- al-Ghazali, A. M. (2008). *Al-Mustasfa min Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Ghazzi, M. S.-B.-H. (1998). *Al-Wajiz fi 'idah Qawai'd al-Fiqh al-Kulliyah*. Bayrut: Muassasat al-Risalah.
- al-Isfahani, A. a.-Q.-H.-M.-R. (1992). *Al-Mufradat fi Alfaz al-Qur'an*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- al-Maliki, A. I.-S.-L.-G. (1991). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- al-Manzur, M. b. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- al-Mun'im, M. A.-R. (tt). *Mu'jam al-Mustalahat al-Alfaz al-Fiqhiyyah*. Qahirah: Dar Al-Fadilah.
- al-Rahman, J. a.-D. (1983). *Al-Masalih Al-Mursalat wa Makanatuha fi Al-Tashri'*. Qahirah: Dar al-Kitab al-Jami'i.
- al-Salam, A.M.-D. (n.d.). *Qawaid Al-Ahkam fi Masalih Al-Anam*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- al-Shawkani, M. i. (1982). *Nayl al-Awtar: Sharh Muntaqa al-Akhhbar min Ahadith Sayyid al-Akhyar*. Bayrut: Dar al-Jil.
- al-Yasu'i, A.-A. L. (1957). *Al-Munjid fi al-Lughah*. Beirut: Al-Matba'ah al-Kathulikiyah.
- al-Zuhayli, W. (2007). *Usul al-fiqh al-Islami*. Dimashq : Dar al-Fikr.
- e-SMAF. (2011). Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan. Retrieved from Portal Rasmi Fatwa Malaysia: <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10281>

- Hassali MA, AL-Tamimi SK, Dawood OT, Verma AK, & Saleem F (2015). Malaysian Cosmetic Market: Current and Future Prospects. *Pharmaceut Reg Affairs* 4: 155. doi:10.4172/2167-7689.1000155
- Hindawi, A. a.-H. (2007). *Jami` al-Bayan fi Mufradat al-Qur'an*. al-Riyad: Maktabat al-Rushd Nashirun.
- Jamaludin, M.A. (2015). Penentuan Kadar Alkohol dalam Produk Minuman Menurut Perspektif Fiqh dan Sains (Thesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia). Diakses daripada <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/67834/>
- Kim, T., Kim, S., Kang, W., Baek, H., Jeon, H. Y., Kim, B. Y., . . . Kim, D. (2011). Porcine amniotic fluid as possible antiwrinkle cosmetic agent. *Korean Journal of Chemical Engineering*, 1839.
- Kowcz, A., Schneider, G., Pape, W. & Weber, T.M. (2014). Bench to beauty counter: Development of cosmeceuticals. in *Cosmeceuticals and Cosmetic Practice*. Farris, P.K. (Ed.). John Wiley & Sons, Ltd.
- Krishnan, S., Amira, N.S., Atila, U.N., Syafawani, S., & Hafiz, M.B. (2017). The Usage of Cosmetic in Malaysia: Understanding the Major Factors that Affect the Users. *Management Science*, 7, 48-51.
- Kuwait, W. a.-A.-S.-I. (2012). *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizarat Al-Awqaf wa Al-Shu'un Al-Islamiyah.
- Mazri, M. (2020, Julai 2). *Hukum Menggunakan Sake (Sejenis Arak) dalam Produk Kosmetik*. Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4554-al-kafi-1737-hukum-menggunakan-sake-sejenis-arak-dalam-produk-kosmetik>
- Mohd Noor, L. S. (2018). Alkohol: Definisi, Pengharaman, Metabolisme dan Kegunaannya. *Jurnal Ulum Islamiyyah*, 98.
- Noor, U. M. (2021, Julai 23). *Penyucian Plasenta Khinzir dalam Produk Kosmetik dengan Kaedah Hidrolisis?* Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4526-al-kafi-1731-penyucian-plasenta-khinzir-dalam-produk-kosmetik-dengan-kaedah-hidrolisis>

- Noor Hidayah Mohd Noor. (2019). Produk kecantikan atau produk kosmetik? Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/produk-kecantikan-atau-produk-kosmetik/>
- Nordin FNM, Aziz A, Zakaria Z, Wan Mohamed Radzi CWJ. (2020). A systematic review on the skin whitening products and their ingredients for safety, health risk, and the halal status. *J Cosmet Dermatol*. 2020; 00:1–11. <https://doi.org/10.1111/jocd.13691>
- Norudin, M., Desnika Efni, M.a. & Mohd Rafi, Y. (2010). Cosmetic Usage in Malaysia: Understanding of the Major Determinants Affecting the Users. *International Journal of Business and Social Science*, 1(3):273-281.
- NPRA. (2017). Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia. NPRA: Petaling Jaya, Selangor. Retrieved from <https://www.npra.gov.my/index.php/en/cosmetics-guideline-annex-i-vii.html>
- NPRA. (2021). Drug Registration Guidance Document (DRGD) Third Edition. NPRA: Petaling Jaya, Selangor. Retrieved from <https://www.npra.gov.my/easyarticles/images/users/1047/drgd/APPEN DIX-6---Guideline-on-Registration-of-Health-Supplements.pdf>
- Qardawi, Y. A. (2014). *Fiqh Keutamaan*. (A. M. Aziz, & L. b. Lahadi, Trans.) Selangor: PTS Litera Utama.
- Rahman, A. (2012). *Halalkah Ubat Anda*. Kuala Lumpur: H Science Solution.
- Rida, M. R. (n.d.). *Tafsir al-Qur'an al-Hakim: Al-Mushtahar bi Ism Tafsir al-Manar*. Qahirah: Matba'at al-Manar.
- Shalabi, M. M. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyah.
- Saiful Mujaheed Yusoff. (2016). Kawalan ke atas produk untuk kecantikan. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/kawalan-ke-atas-produk-untuk-kecantikan/>
- Taeymans, J., Clarys, P., & Barel, A. O. (2014). 55 use of food supplements as nutricosmetics in health and fitness. *Handbook of cosmetic science and technology*, 583-596.

Zakaria, Z. (2015). Regulation of Cosmetics: What has Malaysia Learnt from the European System? *Journal of Consumer Policy*, 38(1): 39-59. DOI 10.1007/s10603-014-9271-3.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.